

## BAB IV

### KESAN PEMBERLAKUAN TOLERANSI UNIVERSAL

Konsep *Sulh-i-Kul* (toleransi universal) ini pada amnya telah mampu memberikan kesan positif bagi memperluaskan lagi basis pemerintahan Akbar secara administratif mahupun politik, serta mampu menjamin dan melindungi keyakinan, perasaan, adat istiadat, tradisi, idea, dan aspirasi semua rakyat. Akbar membangun suatu pemerintahan tidak berasaskan kepada kekerasan militer tetapi kepada kerja sama dan keinginan rakyatnya. Dia juga tidak membeza-bezakan rakyatnya atas dasar agama dan suku. Toleransi universal diterapkannya bagi semua golongan masyarakat sehingga mereka merasa aman mengekspresikan pelbagai kreativiti, kebudayaan, dan adat resam di dalam sebuah *milieu* yang terbuka dan kosmopolitan.

Toleransi universal Akbar yang mementingkan keterbukaan dan memberikan kesempatan yang sama di dalam pemerintahan terhadap semua kalangan masyarakat ternyata memberi kesan sama ada yang ditanggapi secara negatif mahupun positif. Respon negatif ke atas toleransi universal Akbar ini terutamanya datang daripada kelompok-kelompok Islam ortodoks yang tidak mahu Islam disamakan dengan kelompok dan agama lainnya. Kesan positif ini kebanyakannya bermanfaat bagi kepentingan dan kemajuan pemerintahan Dinasti Mughal yang dipimpinnya sehingga mampu menciptakan *universalistic civilization* (peradaban sejagat).<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Marshall G. S. Hodgson, *The Venture of Islam: Conscience and History in A World Civilization (The Gunpowder Empires and Modern Times)*, vol. III, Chicago: The University of Chicago Press, 1974, hlm. 80-81.

#### 4.1. Respon Para Ulama Ke Atas Toleransi Universal

Setelah diumumkankannya *mahzar* pada tahun 1579, timbul beberapa reaksi terutama daripada kalangan Muslim ortodoks kerana aspirasi mereka untuk menerapkan hukum Islam tidak dihiraukan oleh Akbar, mereka malah semakin dibatasi ruang gerakannya. Pada tahun 1580, terjadi pemberontakan di wilayah Bangla dan diikuti pula oleh Kabul pada tahun 1581.<sup>2</sup> Pemberontakan ini oleh sebahagian penulis dianggap sebagai reaksi daripada perilaku dan polisi Akbar yang menurut mereka telah menyimpang daripada Islam dan juga merugikan kepentingan mereka.<sup>3</sup> Prinsip *Sulh-i-Kul* Akbar dianggap oleh para ulama ortodoks telah merugikan Islam dan mengumumkan secara terbuka bahawa Akbar telah keluar daripada Islam (murtad).<sup>4</sup>

Asal mula pemberontakan di Bangla sebenarnya juga berpunca daripada tindakan gabenor barunya, Muzaffar Khan Turbati, yang berlaku kasar dan kejam terhadap rakyatnya serta pembicaraannya menyinggung perasaan. Dia tidak disukai oleh rakyatnya, terutama daripada orang-orang *Qaqshal* (keturunan Chaghatai daripada Suku Turk) berkaitan dengan cara penilaian dan peraturan baru mengenai seluruh pengambilalihan tanah yang tidak sah.<sup>5</sup>

---

<sup>2</sup> K. Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, Dhaka: Ali Publications, 1980, hlm. 219-220.

<sup>3</sup> Lihat antara lain: Vincent A. Smith, *The Oxford History of India: From the Earliest Times to the End of 1911*, revised and continued to 1921 by S. M. Edwardes, Oxford: Clarendon Press, 1928, hlm. 358; Sir Wolseley Haig, *The Cambridge History of India: The Mughal Period*, edited by Sir Richard Burn, vol. IV, London: Cambridge University Press, 1937, hlm. 132; Saiyid Athar Abbas Rizvi, *Religious and Intellectual History of the Muslim in Akbar's Reign*, New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd., 1975, hlm. 161-162. Rawlinson mengungkapkan bahawa pemberontakan itu timbul kerana penghormatan yang diberikan oleh Akbar kepada Padre Rudolf untuk menghadiri diskusi di *Ibadat Khana*. Lihat H.G. Rawlinson, *India: A Short Cultural History*, New York: Frederick A. Praeger, INC., 1954, hlm. 312.

<sup>4</sup> Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 220.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 219; lihat juga Umar Asasuddin Sokah, *Din-i-Ilahi: Kontroversi Keberagamaan Sultan Akbar Agung (India 1560-1605)*, Yogyakarta: Ittaqa Press, 1994, hlm. 99 & 102.

Selain itu, untuk meredam gejolak di Bangla, Akbar menyuruh Shaikh Mansur, seorang kakitangan jabatan kewangan kerajaan, untuk mengadakan penyelidikan dengan cermat terhadap semua hak dan syarat pemegang tanah dengan menyita semua tanah daripada pemegang yang tidak sah. Tetapi peraturan baru itu dilaksanakan di Bangla dengan sangat keras. Dengan pertimbangan iklim di Bangla yang buruk, Akbar juga menyuruh menambah gaji para tentera di Bangla dan Bihar, tetapi oleh Mansur dilakukan dengan ketat dan justeru mengurangkan gaji itu menjadi 50% di Bangla dan 30% di Bihar. Para ulama pun amat terkejut dengan perkara itu dan campur tangan kakitangan kerajaan dengan tindakan mereka yang tidak memenuhi rasa keadilan.<sup>6</sup> Para ulama menganggap bahawa polisi kakitangan kerajaan itu juga merupakan bahagian daripada polisi Akbar yang waktu itu juga mereka anggap merugikan Islam dengan pelbagai polisi keagamaannya. Para kakitangan kerajaan di Bangla pun tidak puas hati dengan polisi baru tersebut dan akhirnya terjadi pemberontakan secara terbuka pada bulan Januari 1580.<sup>7</sup>

Pemberontakan yang terjadi pada dasarnya merupakan perlawanan antara kerajaan yang memaksakan kekuasaannya dan para bangsawan yang kekuasaannya dikongkong tersebut di *blow-up* oleh para ulama dengan isu agama mengenai pelbagai polisi keagamaan Akbar yang kontroversial tersebut. Agama hanya dipakai sebagai topeng untuk melawan Akbar yang tidak berhak mendapat

---

<sup>6</sup> Sokah, *Din-i-Ilahi*, hlm. 100-101.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 101. Pemberontakan itu juga mungkin dilatarbelakangi oleh perasaan penduduk Bangla yang selama itu hidup merdeka dengan pemerintahan, kebudayaan, dan adat-istiadat mereka sendiri, sehingga mereka merasa terjajah ketika kekuasaan Dinasti Mughal mampu menguasai Bangla pada tahun 1576. Lihat M. Abdul Karim, *Berdirinya Bangladesh*, Makalah Disampaikan dalam Diskusi Ilmiah Pertemuan Dosen-dosen Fakultas Adab IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta tanggal 30 September 2000, hlm. 3. Tidak diterbitkan.

gelar *imam al-adil*.<sup>8</sup> Untuk melegitimasi gerakan mereka, maka para ulama memilih Mirza Muhammad Hakim, saudara tiri Akbar, sebagai *imam* menggantikan Akbar.

Mulla Muhammad Yazdi, seorang penganut syi'ah dan *sadr* Jaunpur yang berusaha membuat Akbar menganut syi'ah tetapi gagal, menyebarkan berita tentang kepercayaan Akbar yang telah dianggap murtad dan mengeluarkan fatwa bahawa pemberontakan melawan Akbar adalah sah secara hukum. Dia memerintahkan semua orang Islam untuk bergerak bersama mengangkat senjata melawan "orang kafir" yang dinobatkan di Fatehpur Sikhri dan telah memakai gelar *imam al-adil*.<sup>9</sup> Pada tahun 1584, pemberontakan itu akhirnya dapat dihentikan oleh Raja Todar Mall dan Mirza Aziz Koka dan mengembalikan ketenteraman kerajaan seperti semula.<sup>10</sup>

Mirza Muhammad Hakim, saudara tiri Akbar yang telah dinobatkan oleh para ulama ortodoks sebagai pengganti Akbar yang juga sebagai penguasa di Kabul, merasa tersulut semangatnya untuk menaiki tahta kerajaan oleh penobatan dirinya yang telah dilakukan para pemberontak di Bangla dan Bihar. Kerana itu, dia juga ikut memberontak terhadap kekuatan Akbar dengan motif menaklukkan semua wilayah India.<sup>11</sup> Untuk menghentikan gerak Muhammad Hakim tersebut, Akbar memimpin sendiri ekspedisi ke Kabul dan dapat menguasainya selepas Mirza Muhammad Hakim meninggal pada tahun 1585.<sup>12</sup>

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 99-100.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hlm. 101; Rizvi, *Religious and Intellectual History*, hlm. 161.

<sup>10</sup> Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 220.

<sup>11</sup> Sokah, *Din-i-Ilahi*, hlm. 102-103.

<sup>12</sup> Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 220.

Di samping reaksi berupa perlawanan fizik ke atas pelbagai pemberlakuan toleransi universal Akbar, terdapat juga bentuk reaksi non-fizik yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan dan para tokoh berpengaruh secara peribadi. Salah satunya adalah Shaikh Farid Bukhari.<sup>13</sup> Di masa mudanya, Shaikh Farid masuk menjadi pegawai Akbar dan cukup dekat dengan Akbar kerana kesetiaan dan kecerdasannya. Akbar kelihatannya menyukai dan mempercayainya. Shaikh Farid adalah salah satu kakitangan yang dikirim oleh Akbar untuk melakukan ekspedisi bagi menekan pemberontakan di Orissa pada tahun 1583. Meskipun ia hampir terbunuh, ekspedisi itu berhasil dengan memuaskan dan ia diberi jawatan yang lebih tinggi. Sekitar tahun 1598-1599 dia diminta untuk mengatur penyaluran bantuan kelaparan di Bihar. Tidak lama selepas itu dia diangkat sebagai *Mir Bakhshi*,<sup>14</sup> salah satu jawatan tertinggi dalam pemerintahan.

Ketika Akbar dalam keadaan sakit pada masa-masa terakhir pemerintahannya, permasalahan pergantian kepimpinan mencuat amat tajam. Ada kelompok yang berpihak kepada Khusru, anak Pangeran Salim, dan ada juga yang berpihak kepada Salim sendiri. Shaikh Farid tidak terikat kepada kedua-dua golongan itu, dan kelihatannya tidak berusaha untuk memenangkan Salim. Akan tetapi, dalam keadaan yang kritikal itu, sebagai *Mir Bakhshi*, dia berhak memberi perintah kepada askar untuk menjaga pintu gerbang istana dan melakukan inisiatif

---

<sup>13</sup> Datuk-datuk Shaikh Farid adalah orang-orang terpelajar yang hidup dari hibah tanah bebas sewa. Akan tetapi salah seorang daripada mereka, Sayyid Abdul Ghaffar Delhi, memerintahkan keturunannya memasuki profesi militer dan menghentikan gaya hidup yang diperolehi daripada sumbangan. Keluarga Shaikh Farid banyak yang masuk menjadi kakitangan istana Akbar. Pamannya, Muhammad Bukhari, adalah salah seorang kepercayaan Akbar, sedangkan saudaranya, Sayyid Ja'far, meninggal dunia dalam pertempuran di Gujarat tahun 1573. lihat M. Mujeeb, *Indian Muslims*, New Delhi: Mushiram Manoharlal Publisher Pvt. Ltd., 1985, hlm. 265.

<sup>14</sup> *Mir Bakhshi* adalah ketua jawatan yang bertanggungjawab merekrut para askar dan membayar gaji mereka di pusat kerajaan. Lihat "Glossary" dalam S. M. Ikram, *Muslim Civilization in India*, edited by Ainslie T. Embree, New York: Columbia University Press, 1964, hlm. 300.

untuk melakukan pertabalan yang damai tanpa pertumpahan darah. Dia keluar daripada pintu gerbang pergi ke rumah Salim memberikan ucapan selamat sebagai penguasa baru.

Gerakan yang berani ini menentukan jalannya sejarah. Para kakitangan yang mendengar berita itu kemudiannya mengikuti langkah Shaikh Farid sehingga Salim menjadi cukup yakin memasuki istana dan naik tahta selepas direstui ayahnya.<sup>15</sup> Barangkali kerana langkah strategiknya dalam keadaan kritikal ketika pertabalan Salim (*Jahangir*) dan mengalahkan Khusru itulah yang mendorong Jahangir mengumumkan dirinya sebagai pembela kaum ortodoks pada masa selanjutnya.<sup>16</sup>

Reaksi Shaikh Farid terletak pada sikap kesederhanaannya dalam melihat pelbagai permasalahan. Dia banyak mendapat penghormatan dan penghargaan daripada para ulama kerana keberanian dan ketulusannya. Meskipun memperolehi posisi baik di dalam pemerintahan ketika berlangsungnya diskusi di *Ibadat Khana*, dia tidak memihak kepada Akbar agar memperolehi promosi jawatan yang lebih cepat; tidak juga mendukung kaum ortodoks. Tetapi akhirnya dia bergabung dengan Khwaja Baqi Billah (penyebarkan Thariqat Naqsyabandiyah di India) yang datang ke Delhi sekitar tahun 1599 atau 1600. Shaikh selanjutnya menjadi penghubung dalam meluaskan pengaruh Khwaja Baqi Billah di antara para bangsawan sehingga meninggalnya pada tahun 1616.<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> Mujeeb, *Indian Muslims*, hlm. 265-266.

<sup>16</sup> Sokah, *Din-i-Ilahi*, hlm. 108.

<sup>17</sup> Mujeeb, *Indian Muslims*, hlm. 268.

Penentang keras terhadap pelbagai polisi dan konsep toleransi universal Akbar adalah Shaikh Ahmad Sirhindi<sup>18</sup> yang dikenal dengan *Mujaddid Alf al-Tsani* (pembaharu dunia Islam milenium kedua). Semasa mudanya, ia tertarik untuk pergi ke Fatehpur Sikhri, sebuah bandar yang menarik perhatian para intelektual masa itu. Di sana ia bertemu dan bergaul dengan jaringan para intelektual terkemuka dan nampaknya amat tertarik dengan Abu'l Fazl dan saudaranya, Faizi. Pemikiran dan perilaku Shaikh Ahmad tidak banyak terpengaruh oleh dua bersaudara itu, walaupun dia sendiri pernah melalui masa-masa “berfikir bebas” semasa muda ketika suatu masa pernah menulis sajak tentang “Kufr”. Tetapi mereka cukup tertarik satu sama lain dengan persahabatan intelektual mereka meskipun berbeza dalam pemikiran. Shaikh Ahmad bahkan pernah membantu Faizi dalam menyelesaikan tafsir al-Qurannya.

Shaikh Ahmad kemudian berkunjung ke Delhi pada tahun 1599 untuk menemui Khwaja Baqi Billah dan menjadi muridnya, kemudian masuk Thariqat Naqsyabandiyah dan dengan kemahirannya menulis, ia berusaha memperkuat kembali posisi Islam ortodoks menjadi lebih mantap di dalam sejarah Islam India<sup>19</sup> dengan menentang praktik-praktik yang menurutnya tidak islami, terutama konsep toleransi universal yang diterapkan Akbar.

---

<sup>18</sup> Shaikh Ahmad Sirhindi adalah seorang sufi Islam terkemuka India. Dia lahir di Sirhind (Punjab Timur) pada tahun 1564 dan meninggal juga di tanah kelahirannya pada tahun 1624. Dia adalah anak daripada Shaikh Abdul Ahad yang mempunyai garis keturunan dengan Khalifah Umar Ibn al-Khattab. Untuk mengetahui biografi dan pemikirannya secara singkat dapat dilihat antara lain dalam Ainslie T. Embree (ed.), *Encyclopedia of Asian History*, vol. 3, New York: Charles Scribner's Son, 1990, hlm. 480; John L. Esposito (ed.), *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, vol. 4, New York: Oxford University Press, 1995, hlm. 78-79; Mircea Eliade (ed.), *The Encyclopedia of Religion*, vol. 13, New York: Macmillan Publishing Company, 1987, hlm. 337-338; lengkapi juga dengan buku paling representatif tentang pemikiran dan konsep-konsep pembaharuan Ahmad Sirhindi dalam Yohanan Friedmann, *Shayh Ahmad Sirhindi: An Outline of His Thought and a Study of His Image in the Eyes of Posterity*, Montreal: McGill-Queen's University Press, 1971.

<sup>19</sup> Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 167.

Penentangan Shaikh Ahmad Sirhindi terhadap toleransi universal Akbar dapat diketahui melalui surat-suratnya yang dikirim kepada Shaikh Farid. Surat-surat tersebut pada umumnya berisi tentang ungkapan keperihatinan Shaikh Ahmad terhadap posisi umat Islam di masa Akbar yang menurutnya sangat memprihatinkan dan tertindas oleh orang-orang non-Muslim. Dalam sebuah suratnya diungkapkan bahawa orang-orang non-Muslim melakukan praktik-praktik keagamaan mereka dengan agresif di dalam sebuah negara Islam, dan sebaliknya, orang-orang Islam tidak berdaya melaksanakan pelbagai ajaran agamanya sendiri, bahkan orang-orang Islam pun dicacikan dengan pelbagai penghinaan. Orang-orang non-Muslim mulai mendesak kewujudan Islam dan tanpa ragu merosakkan masjid-masjid dan mendirikan kuil di bekas bangunan masjid tersebut. Orang-orang Hindu bahkan mencampuri praktik ibadah umat Islam.<sup>20</sup>

Perkembangan situasi seperti itu menjadikan Shaikh Ahmad memendam kebencian kepada Akbar dan orang-orang non-Muslim. Dia yakin bahawa perhatian yang diberikan kepada orang-orang Hindu dalam pemerintahan Akbar telah menjadikan mereka berani, dan situasi seperti ini harus dibalik. Dalam sejumlah suratnya, dia menyatakan penyesalannya terhadap pelarangan *jizya* dan mendesak untuk diberlakukan kembali. Dia juga mendesak untuk menghapuskan pelarangan pembunuhan lembu. Dia memberikan saranan kepada para bangsawan Muslim untuk tidak bekerja sama dengan orang-orang di luar agama Islam dan orang-orang Islam non-ortodoks, termasuk orang-orang Syi'ah.

---

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 171-172.



Dalam sebuah suratnya kepada Shaikh Farid, lebih jauh ia mengatakan bahawa bersahabat dengan orang-orang Islam yang *non-conformist* lebih buruk dibanding bersahabat dengan orang-orang non-Islam.<sup>21</sup> Dia menegaskan ketaatan secara ketat terhadap pemberlakuan hukum Islam untuk mencapai makna asas Islam yang hakiki dan menolak ajaran Ibn ‘Arabi tentang kesatuan wujud dan landasan metafizik ajaran sinkretisme agama untuk diganti dengan konsep *wahdat al-syuhud* (kesatuan pandangan). Dia mengecam praktik-praktik keislaman sufi dan Hinduisme seperti pemujaan wali dalam sejumlah perayaan keagamaan. Dia melancarkan kritik terhadap pemerintahan Dinasti Mughal untuk mengambil polisi yang selari dengan konsep negara Islam.<sup>22</sup>

Pada suatu masa, seorang khatib di masjid utama Samana tidak mengikuti praktik Sunni dengan menyebutkan keempat *Khulafa’ al-Rasyidin* dalam khutbah shalat Ied. Shaikh Ahmad segera menulis surat terbuka kepada para pemuka agama di bandar itu dan mencela mereka kerana melalaikan tugas dan kegagalan mengatasi tindakan khatib yang menurutnya tidak bersikap adil. Shaikh Farid dan pemimpin lainnya tidak menerima pandangan ekstrim yang dilakukan oleh Shaikh Ahmad, dan dalam sebahagian suratnya, Shaikh Ahmad mengungkapkan kekecewaannya terhadap kegagalan dan kelalaian Shaikh Farid.<sup>23</sup> Selepas berakhirnya masa pemerintahan Akbar, Shaikh Ahmad mendapat posisi terhormat dan dekat dengan Jahangir sehingga beliau wafat pada tahun 1624 di dalam pengasingannya. Kedekatan Shaikh Ahmad dengan Jahangir inilah yang barangkali mempengaruhi sultan Mughal tersebut untuk menerapkan polisi

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Ira M. Lapidus, *Sejarah Sosial Umat Islam*, diterj. oleh Ghufroon A. Mas’adi, bahagian I dan II, Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1999, hlm. 709.

<sup>23</sup> Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 172.

keagamaan yang berbeza daripada ayahnya dengan cenderung menyokong kekuatan kaum ortodoks Islam pada masa-masa selanjutnya.<sup>24</sup>

## **4.2. Kesan di Bidang Pemerintahan, Ekonomi, dan Pendidikan, Sastera dan Seni**

### **4.2.1. Bidang Pemerintahan**

Bentuk pentadbiran pemerintahan Dinasti Mughal terutama pada masa Akbar pada prinsipnya berbeza dengan kesultanan Delhi. Dua penguasa Mughal sebelum Akbar, Babur dan Humayun, belum mempunyai masa dan kesempatan atau bahkan kecenderungan untuk mengembangkan sebuah sistem pemerintahan awam. Dengan berbekal kecerdikan semula jadi melihat keadaan sekelilingnya, pemerintahan Akbar adalah pemerintahan yang juga tidak menafikan unsur-unsur yang telah dikembangkan oleh penguasa sebelumnya, terutama Sher Shah. Oleh itu, Akbar membentuk suatu pemerintahan yang menggabungkan unsur-unsur India dan luar India atau lebih tepatnya “sistem budaya Arab-Persia dengan latar belakang budaya India.”<sup>25</sup>

Meskipun sultan Mughal mempunyai kekuasaan penuh, mereka masih merekrut sejumlah kakitangan untuk menempati beberapa jawatan yang berbeza dalam menguruskan permasalahan-permasalahan yang berbeza. Jabatan yang utama pada masa itu adalah: 1). *Diwan*; mengendalikan masalah kewangan, 2). *Mir Bakhsi*; menguruskan gaji militer dan balai bendahara, 3). *Khan-i-Saman*; menguruskan bahagian rumah tangga kerajaan, 4). *Muhtasib*; sebagai lembaga

---

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm. 168-169.

<sup>25</sup> R. C. Majumdar, H. C. Raychaudhuri, dan Kalikinkar Datta, *An Advanced History of India*, London: Macmillan and Co., 1948, hlm. 554.

sensor moral awam 5). *Sadr-i-Sudur*; menguruskan masalah wakaf dan infaq, dan 6). *Qazi al-Quzat*, mengepalai lembaga peradilan.<sup>26</sup>

*Diwan* atau *Wazir* biasanya merupakan jawatan tertinggi di negara, kerana dialah satu-satunya yang bertanggungjawab menguruskan pendapatan dan kewangan negara.<sup>27</sup> *Diwan* atau kadang-kadang juga disebut menteri kewangan, memimpin dua pejabat utama yang disebut *Diwan-i-Tan* dan *Diwan-i-Khalsa*. Yang disebut pertama bertugas menguruskan gaji dan yang kedua menguruskan tanah negara.<sup>28</sup>

*Mir Bakhsi* mempunyai tugas yang agak variatif. Di samping menjadi bendahara am semua kakitangan negara yang secara teoritik di bawah jabatan militer, juga bertanggung jawab untuk merekrut tentera, menyimpan senarai *mansabdars* (akan dijelaskan kemudian) dan jawatan tinggi lainnya. Apabila mempersiapkan suatu peperangan, dia menyerahkan senarai nama tentera secara lengkap kepada sultan.

*Khan-i-Saman* bertanggung jawab menguruskan rumah tangga kerajaan daripada persoalan-persoalan yang kecil sampai yang besar. Sedangkan *Sadr* adalah kepala *Diwan-i-S'adat* yang menguruskan pelbagai persoalan pemberian hadiah, pencen, dan sumbangan yang diberikan kepada ulama, penyair, cendekiawan, ahli astronomi, janda, orang miskin, anak yatim, kakitangan peradilan, dan lain-lain. Pengangkatan *Sadr* ini bukan atas dasar keahlian

---

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 557. K. Ali menambahkan lagi tiga jawatan, yakni jawatan yang mengurus militer bidang artileri di bawah *Mir Atish* atau *Darogha-i-Topkhana*; jawatan pos dan intelijen di bawah *Darogha-i-Dak Chowk*; dan urusan pencetakan wang di bawah *Darogha*-nya sendiri, sehingga menjadi sembilan jabatan. Lihat Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 227.

<sup>27</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 554.

<sup>28</sup> Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 211.

administratif, melainkan atas dasar kecendekiawanannya.<sup>29</sup> *Muhtasib* bertugas menjaga pelaksanaan perintah-perintah Nabi dan undang-undang moral.<sup>30</sup>

*Qazi al-Quzat* atau ketua *qazi* adalah kakitangan utama peradilan dalam kerajaan. Dia mengangkat para *qazi* di tiap-tiap ibu kota wilayah negeri. Para *qazi* itu mengadakan penyelidikan dan meneliti kes-kes jenayah dan kes masyarakat awam, sama ada orang-orang Hindu atau Islam. Selain itu, ada *mufti* yang bertugas menjelaskan persoalan undang-undang hukum Islam dan *Mir Adl* yang mengumpulkan dan mengumumkan keputusan. Ketika tidak ada *qazi* di suatu daerah seperti di kampung-kampung, penduduk tempatan menyelesaikan urusan itu sesuai aturan tradisi tempatan melalui pengadilan kasta atau *panchayat*.<sup>31</sup> *Panchayat* adalah sistem peradilan kampung dan kasta untuk menyelesaikan sebahagian besar perselisihan, terutama yang berkaitan dengan orang-orang Hindu dan mereka tidak datang di hadapan kakitangan peradilan. Akan tetapi mereka tidak dihalangi membawa kes mereka ke hadapan *qazi* atau gabenor dan sering melakukan tindakan itu ketika penyelesaian lain tidak efektif. Tetapi biasanya mereka mempunyai aturan sendiri untuk menyelesaikan perselisihan itu. Akbar juga memeerintahkan agar kes-kes yang berkaitan dengan orang Hindu diputuskan oleh hakim Hindu, bukan oleh *qazi*.<sup>32</sup>

Kadang-kadang suatu jawatan yang lebih tinggi di atas wazir dan menteri-menteri lainnya juga dibentuk. Jawatan itu disebut *Vakil* dan bertugas seperti wakil raja. Pengangkatan di jabatan tersebut tidak memiliki aturan tertentu,

---

<sup>29</sup> Umar Asasuddin Sokah, "Sultan Akbar Pembangun Kerajaan Islam Mughal" dalam *Jurnal al-Jami'ah*, No. 37 (1989), hlm. 43.

<sup>30</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 554.

<sup>31</sup> *Ibid.*, hlm. 559.

<sup>32</sup> Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 220.

tergantung keinginan raja dan sesuai dengan situasi dan keadaan.<sup>33</sup> *Vakil* tersebut tidak membawahi jabatan tertentu, tetapi jika ada masalah-masalah administratif yang penting dan perlu dipecahkan, Akbar meminta nasihatnya. Selama awal pemerintahannya, Bairam Khan menjawat jawatan ini.<sup>34</sup>

Untuk menjaga kestabilan pemerintahan yang amat luas, Akbar memerlukan ramai kakitangan untuk menempati jawatan-jawatan awam, tidak hanya daripada orang India tetapi juga orang-orang asing yang mempunyai keahlian di bidangnya. Untuk mengefektifkan kerja mereka, Akbar mendasarkan pengelolaan pemerintahannya kepada sistem *mansabdar*. Istilah tersebut daripada bahasa Persia yang bererti ‘pemegang jawatan’ (*office-holder*). Setiap kakitangan penting negara memegang sebuah *mansab* (sebuah tingkatan pengangkatan dan hak-hak jawatan, dan sebagai ahli kakitangan kerajaan yang harus bersedia ditempatkan di mana pun di seluruh wilayah pemerintahan). Akbar membahagikan para pemegang jawatan itu ke dalam 33 tingkatan mulai daripada 10 sampai 10,000 tingkatan komando.

Walau bagaimanapun, kategori utama *mansabdar* ada tiga, mereka adalah: 1). Yang memerintah daripada 10-400, umumnya disebut *mansabdar* (kakitangan-kakitangan), 2). Yang memerintah daripada 500-2500, disebut *amir* (para bangsawan), dan 3). Yang berada dalam tingkatan yang lebih tinggi, disebut *umara-i-kibar* atau *umara-i-izam* (para pembesar). Bangsawan tertinggi dalam kategori ketiga diberi penghormatan dengan gelar *amir-ul-umara*. Sehingga pertengahan pemerintahan Akbar, tingkatan tertinggi yang dapat dicapai oleh

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm. 210.

<sup>34</sup> Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 226.

kakitangan biasa adalah mengomando 5000 orang. Tingkat yang lebih tinggi antara 7000 sampai 10,000 diperuntukkan bagi para pangeran.<sup>35</sup>

Pemilihan tingkatan *mansabdar* dibuat oleh raja, biasanya atas saranan daripada para pimpinan militer, gabenor, atau kakitangan istana.<sup>36</sup> Tingkatan *mansabdar* tidak berdasarkan keturunan. Pengabdian kepada negara dikhasakan kepada jawatan-jawatan tertentu, seorang kakitangan boleh dipercayai menjawat jawatan baru bila-bila masa. Kapasiti kemampuan Akbar untuk memilih seseorang yang tepat dalam jawatan yang tepat juga mampu menyelidiki kekacauan dalam sistem ini.<sup>37</sup>

Selain *mansabdar* ada satu tingkatan yang dikenal dengan *ahadis*. Meskipun tidak masuk sebagai tingkatan rasmi, tetapi tetap diberi pekerjaan di pos-pos tertentu di istana. Mereka biasanya terdiri daripada anak-anak muda keluarga baik-baik yang tidak beruntung, memperolehi sebuah *mansab* dalam rayuan mereka yang pertama, kerana itu, mereka diberi kesempatan untuk menunjukkan kesanggupannya. Ketika mereka mampu, mereka dapat dipromosikan kepada tingkatan *mansabdar*. Demikianlah usaha Akbar dalam mewujudkan suatu pemerintahan yang memberikan semua golongan untuk berpartisipasi di dalamnya secara sama. Kerana itu, tidak dapat disangkal bahawa sistem yang diterapkan oleh Akbar mampu mewujudkan kesatuan dan keterpaduan pemerintahannya.<sup>38</sup>

Sistem *mansabdar* juga berlakuan terhadap organisasi militer yang mempunyai empat bahagian, iaitu: invanteri, artileri, kavaleri, dan tentera laut.

---

<sup>35</sup> Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 211-212.

<sup>36</sup> *Ibid.*, hlm. 212.

<sup>37</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 556.

<sup>38</sup> Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 212-213.

Invanteri terdiri daripada para penembak, buruh, penjaga lingkungan istana, petarung, dan lain-lain. Artileri dikenal dengan nama *Topkhana* yang diperkenalkan pertama kali oleh Babur. Ketua bahagian artileri disebut *Mir Atish* atau *Daroga-i-Topkhana* yang mempunyai tingkatan *mansabdar* 5000 dan dibantu oleh seorang kakitangan yang dinamakan *Mushrif*. Kavaleri merupakan bahagian terpenting daripada organisasi militer. Raja memperhatikan secara khas bahagian militer dan berusaha untuk meningkatkan efisiensi dengan sistem *mansabdar*. Raja juga membuat sebuah korps pasukan gajah. Gajah-gajah yang khusus digunakan oleh Akbar disebut *Khasha* (khas) dan yang lainnya diorganisasi dalam jumlah sepuluh, dua puluh, atau tiga puluh yang disebut *halqas*. Sistem *mansabdar* juga dipergunakan untuk korps gajah ini dan juga diterapkan pada korps kuda.<sup>39</sup>

Untuk mengefektifkan jalannya pemerintahan, pada mulanya Akbar membahagi kerajaannya menjadi dua belas wilayah negeri: iaitu Agra, Allahabad, Oudh, Delhi, Lahore, Multan, Kabul, Ajmer, Bangla, Bihar, Ahmadabad, dan Malwa. Kemudian pada masa-masa akhir kekuasaannya ditambah lagi tiga wilayah negeri, iaitu: Berar, Khandesh, dan Ahmadnagar, sehingga keseluruhan berjumlah lima belas wilayah negeri.<sup>40</sup>

Penguasa wilayah (gabenor) disebut *Sipah Salar* di masa Akbar, dan *Nazim* di bawah para penggantinya, tetapi secara populer disebut *subahdar* atau *suba* sahaja. Dia merupakan ketua pemerintahan awam dan militer di tiap-tiap *suba* (wilayah) dan mempunyai kakitangan yang berada di bawahnya seperti:

---

<sup>39</sup> Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 229-230.

<sup>40</sup> Sri Ram Sharma, *Mughal Government and Administration*, Bombay: Hind Kitabs Limited, 1951, hlm. 238.

*Diwan, Bahsi, Faujdar* (penguasa distrik di bawah wilayah negeri), *Kotwal* (polis ibu kota wilayah negeri), *Qazi, Sadr*, dan lain-lain. *Diwan* atau kepala urusan pendapatan wilayah sering bertindak sebagai rakan *Subahdar*. Masing-masing ditugaskan untuk mengoreksi satu sama lain agar tidak seorang pun yang dapat semakin lebih berkuasa.<sup>41</sup>

#### 4.2.2. Bidang Ekonomi

Pengaruh pemberlakuan toleransi universal Akbar di bidang ekonomi perlu dikaji tersendiri kerana memang banyak pembaharuan yang dilakukan olehnya dan para kakitangannya di bidang ini.<sup>42</sup> Kemajuan di bidang ekonomi semakin nampak ketika tanpa pandang bulu Akbar mengangkat Todar Mal sebagai *Diwan-i-Ashraf*, seorang Hindu yang amat cerdik dalam urusan ekonomi.<sup>43</sup> Pengangkatan Todar Mal ini, meskipun dia seorang Hindu, berimplikasi positif bagi perkembangan ekonomi pada masa Akbar. Oleh itu, menurut Moreland, sistem perekonomian yang dikembangkan oleh Akbar meskipun dilihat daripada standar sistem perekonomian moden, secara teoritik pada dasarnya memenuhi rasa keadilan bagi rakyatnya.<sup>44</sup>

Pembaharuan menonjol yang dilakukan pada masa Akbar adalah pada sistem pendapatan negara (percukaian). Sistem pendapatan negara yang diterapkan tersebut tidak seragam di dalam wilayah kekuasaannya kerana di

---

<sup>41</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 563; lengkapi juga dengan Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 213-214.

<sup>42</sup> Karya terbaik sehingga sekarang tentang keadaan ekonomi India Abad Pertengahan, terutama pada masa Akbar adalah tulisan W. H. Moreland, *India at the Death of Akbar: An Economic Study*, London: Macmillan and Co., 1920.; dan W. H. Moreland, *From Akbar to Aurangzeb: A Study in Indian Economic History*, London: Macmillan and Co., 1923.

<sup>43</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 561.

<sup>44</sup> Moreland, *From Akbar to Aurangzeb*, hlm. 246.



dasarkan pada pembahagian wilayah kerajaan kepada beberapa wilayah negeri (*suba*); wilayah negeri kepada distrik (*sarkar*); dan distrik kepada beberapa wilayah kecil (*mahal/mahalla*), yang biasanya selalu sama dengan wilayah tradisional lokal yang dikenal dengan *pargana*. Cara penilaian kualiti tanah yang dikenakan cukai disesuaikan dengan keadaan setempat, atau mungkin keadaan wilayah negeri, atau juga kondisi wilayah distrik.<sup>45</sup>

Pendapatan tersebut dapat dikelompokkan menjadi dua bahagian, yakni pendapatan pemerintah tempatan dan pusat (kerajaan). Pendapatan tempatan diperolehi daripada penetapan penghasilan tanah yang diberikan kepada gabenor dan para kakitangannya sebagai imbalan atas pekerjaan mereka. Diperoleh daripada cukai, denda, hadiah, dan jasa pengangkutan awam. Sumber utama pendapatan pusat berupa pendapatan tanah pertanian, cukai, pencetakan wang, warisan, harta rampasan perang, hadiah, monopoli, dan cukai kepala. Daripada semua sumber tersebut, pendapatan hasil tanah pertanian merupakan sumber pemasukan negara terpenting.<sup>46</sup>

Sebelum Akbar naik tahta, sudah ada tiga macam tanah pertanian, iaitu (1) *khalsa* atau *crown-lands* (tanah kerajaan), (2) tanah *jagir* yang dinikmati oleh sebahagian bangsawan daripada pengumpulan pendapatan wilayah setempat. Sebahagian daripada pendapatan itu dikirim ke jabatan kewangan pusat dan selebihnya untuk mereka. (3) Tanah *sayurghal* yang diberikan jangka masa bebas dan tidak menyerahkan pendapatan kepada pemerintah. Pada masa Dinasti Sur, tanah *jagir* tersebut cenderung dikurangi dan memperluas tanah *khalsa*. Sedangkan pada masa Akbar praktik penetapan tanah *jagir* berusaha dihentikan

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, hlm. 247.

<sup>46</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 560.

sedapat mungkin dan lebih diutamakan pada pengangkatan para kakitangan yang diberi imbalan dengan gaji tetap.<sup>47</sup>

Pada tahun 1582, Todar Mal memberlakukan sistem pendapatan negara baru yang ditentukan tiap tahun berdasarkan hasil dan statistik harga yang sedang berlaku sehingga anggaran belanja negara berbeza dari tahun ke tahun. Penetapan standar sistem pendapatan negara itu dengan cara: 1). Mengadakan survei dan pengukuran tanah; 2). Mengategorikan tanah; dan 3). Menetapkan harganya. Tanah itu disurvei dengan teliti dan diukur kembali dengan cermat. Kategori tanah terdiri daripada: 1). *Polaj*, iaitu tanah yang dapat ditanami setiap tahun; 2). *Parauti*, adalah tanah yang dapat ditanami setelah dikosongkan selama beberapa waktu; 3). *Chachar*, tanah yang dibiarkan tidak ditanami 3 sampai 4 tahun; dan 4). *Banjar*, yakni tanah yang dibiarkan tidak ditanami 5 tahun atau lebih. Hanya tanah yang memang diolah yang dikenai pajak. Daripada hasil produksi tanah tersebut, yang harus dihantarkan petani kepada negara adalah 1/3 hasil produksi dan dapat dibayar secara lansung atau dengan cara lain.<sup>48</sup>

Pembaharuan sistem negara yang dikendalikan oleh orang yang mempunyai kepakaran dan berpengalaman dalam bidangnya, tidak mengambilkira apakah orang Islam atau Hindu, ternyata mampu meningkatkan keadaan perekonomian secara makro pada masa Akbar. Sistem percukaaian yang efektif dan efisien tetapi tidak memberatkan masyarakat, menimbulkan dampak positif bagi bertambahnya pemasukan kas negara di satu sisi. Di samping itu, perkara tersebut

---

<sup>47</sup> Sokah, "Sultan Akbar," hlm. 46.

<sup>48</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 561. Polisi pertanahan yang dilakukan oleh Todar Mal pada masa Akbar ini sebenarnya telah diterapkan oleh Sher Shah. Polisi yang dilakukan Sher Shah itulah yang menjadi asas bagi polisi pertanahan masa Akbar dan polisi tersebut lebih dikembangkan lagi. Lihat J.C. Powell-Price, *A History of India*, London: Thomas Nelson and Sons Ltd., 1955, hlm. 565-266.

dapat meningkatkan pendapatan masyarakat sehingga taraf kehidupan mereka semakin meningkat<sup>49</sup> serta pembangunan kerajaan pun semakin maju. Bandar-bandar banyak didirikan dan dibangun dengan megah dan indah. Agra dan Fatehpur Sikhri adalah dua bandar terbesar masa itu. Lahore dan Burhanpur merupakan bandar-bandar yang kaya dan dipenuhi banyak orang, begitu juga dengan Ahmadabad di Gujarat, dan masih banyak lagi bandar-bandar lainnya. Bandar-bandar tersebut tidak hanya kaya dan megah, tetapi juga sebagai pusat perdagangan dan transaksi perdagangan dengan negara lain di luar India. Tidak hanya itu, bidang pertanian juga menempati posisi penting dalam sistem perekonomian Dinasti Mughal pada masa itu. Gula, nila, dan sutera banyak terdapat di pelbagai wilayah India.<sup>50</sup>

Banyak industri berkembang di dalam negeri, terutama industri pembuatan pakaian daripada kain katun. Pusat-pusat industri ini adalah Gujarat, Burhanpur, Jaunpur, Patna, dan masih banyak lagi bandar dan daerah di wilayah Bangla. Dhaka pada masa itu terkenal dengan tenunan *muslin*, pakaian terbaik dan termadis daripada kain katun. Industri-industri rumah tangga pun berkembang pesat. Kain sutera juga merupakan hasil industri yang banyak terdapat di Bangla. Industri-industri pembuatan syal dan permadani berkembang di Lahore dan Kashmir. Perdagangan dengan negeri-negeri di Asia dan Eropah pun semakin lancar sehingga tukar menukar produk-produk perdagangan berlangsung secara berterusan. Barang-barang impot yang didatangkan ke India adalah emas batangan, bahan mentah sutera, kuda, batu-batu berharga, kuningan, metal, gading, beludru, porselin Cina, dan hamba sahaya daripada Afrika. Barang-barang

---

<sup>49</sup> Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 232.

<sup>50</sup> *Ibid.*, hlm. 332.

ekspot meliputi pelbagai macam tekstil, lada, nila, opium, dan pelbagai macam barang produksi lainnya. Bandar-bandar pelabuhan di wilayah Pantai Barat India pun berkembang menjadi bandar-bandar yang besar seperti di Surat, Cambay, dan Broach.<sup>51</sup>

#### 4.2.3. Bidang Pendidikan, Karya Sastra, dan Seni

Toleransi universal Akbar ternyata juga berimplikasi positif terhadap bidang pendidikan yang semakin terbuka sehingga masa kekuasaannya merupakan petanda suatu tahapan baru dengan memperkenalkan sistem pendidikan di sekolah-sekolah dan pendidikan tinggi (semacam universiti). Perkara ini ditunjukkannya dengan membangun universiti-universiti di Fatehpur Sikhri, Agra, dan tempat lain. Hal tersebut ternyata berdampak positif, kerana semua warga masyarakat boleh mempunyai kesempatan yang sama untuk belajar dan memperolehi pendidikan di masa muda. Kerana didorong oleh rasa toleransi keagamaannya, Akbar kemudian mengizinkan pendidikan bagi orang-orang Hindu di *madrassa*.<sup>52</sup> Subjek yang diajarkan di *madrassa* iaitu meliputi bidang-bidang moral, aritmetik, pengantar aritmetik, pertanian, pengukuran, geometri, astronomi, *physiognomy* (ilmu yang mempelajari bentuk kawasan muka bumi), hal ehwal rumah tangga, aturan-aturan pemerintahan, perubatan, logic, *tabi'i* (ilmu fizikal), *riyazi* (ilmu hitung), *ilahi* (teologi), sains, dan sejarah; semua bidang itu harus dipelajari secara bertahap.<sup>53</sup> Dia juga menghibahkan sejumlah *madrassa* dan

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, hlm. 333.

<sup>52</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 578.

<sup>53</sup> Abu'l Fazl, *The 'Ain-i-Akbari*, vol. I, trans. by H Blochmann, Calcutta: Asiatic Society of Bengal, 1927, hlm. 289.

perpustakaan.<sup>54</sup> Pada masanya, dengan tanpa membeza-bezakan jantina, bengkel-bengkel secara berterusan diberikan kepada para wanita di dalam istananya. Daripada beberapa wanita itu ada juga yang tertarik mempelajari kesusasteraan.<sup>55</sup>

Di dalam situasi tenteram yang timbul dari pelbagai polisi kerajaan atas dasar toleransi universal yang tidak diskriminatif dan dengan kekayaan warisan budaya, secara tidak langsung telah mempengaruhi pelbagai bentuk kesusasteraan dan seni yang bernilai tinggi. Banyak sarjana bermunculan dan menulis karya dalam pelbagai macam bidang kajian di bawah perlindungan Akbar. Raja Mughal tersebut amat tertarik dengan karya-karya sastera Persia dan Hindu.

Karya sastera Persia selama masa Akbar mungkin boleh dibahagi menjadi tiga kategori, iaitu: 1). Karya sejarah, 2). Terjemahan, 3). Puisi dan sajak. Karya-karya sejarah yang terkenal masa itu adalah *Tarikh-i-Afifi* karangan Mulla Daud, *Ain-i-Akbari* dan *Akbar Nama* karangan Abu'l Fazl, *Muntakhab-ut-Tawarikh* karangan Badauni, *Tabaqat-i-Akbari* karangan Nizamuddin Ahmad, *Akbar Nama* karangan Faizi Sirhindi, dan *Ma'asir-i-Rahimi* karangan Abdul Baqi. Abu'l Fazl adalah seorang cendekiawan terkemuka pada masa itu. Dia adalah teman dekat dan penasihat Akbar yang juga seorang penyair, penulis, dan sejarawan terkemuka.

Kecintaan Akbar kepada kesusasteraan Hindu dapat diketahui ketika ia memerintahkan pelbagai buku dalam bahasa Sanskrit dan bahasa-bahasa lain untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Persia. *Mahabharata* diterjemahkan ke dalam bahasa tersebut oleh sejumlah sarjana Muslim dan dikumpulkan lagi dengan judul *Razam-Namah*. Badauni menyelesaikan terjemahan *Ramayana* pada

---

<sup>54</sup> Lapidus, *Sejarah Sosial Umat Islam*, hlm. 700.

<sup>55</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 579.

tahun 1589. *Atharva Veda* juga diterjemahkan oleh Haji Ibrahim Sirhindi ke dalam bahasa Persia. Beberapa karya berbahasa Yunani dan Arab juga diterjemahkan ke dalam bahasa Persia. Penulis prosa paling terkemuka adalah Ghizali dan Faizi, saudara Abu'l Fazl, di samping juga banyak sasterawan-sasterawan lain yang berkarya di dalam istana Akbar.<sup>56</sup>

Masa pemerintahan Akbar merupakan masa perkembangan luar biasa di dalam seni reka bina. Akbar menyukai dan menguasai pelbagai bentuk seni. Pemikirannya yang secara alamiah liberal dan sintetik berpengaruh terhadap idea-idea artistiknya yang tergabung daripada pelbagai sumber dan mewujudkan di dalam pelbagai bentuk karya seni. Pengaruh budaya Persia yang kosmopolitan, toleransinya terhadap orang-orang Hindu, dan kesimpatikannya kepada budaya mereka, membuat Akbar menggunakan gaya-gaya seni bina Hindu (tempatan) sepertimana terlihat daripada pelbagai bangunan yang telah didirikannya.<sup>57</sup>

Banyak bangunan yang menunjukkan penggabungan antara unsur-unsur Islam dan Hindu<sup>58</sup> seperti bangunan-bangunan di Fatehpur Sikhri yang menggambarkan idea-idea sinkretik daripada pembangunnya (Akbar). Gaya seni bina yang dikembangkan oleh Akbar melambangkan sifat negarawan yang dapat disimpulkan sebagai usaha untuk menyatukan umat Islam dan Hindu di dalam satu negara. Bangunan-bangunan yang amat mengesankan daripada bebatuan merah didirikan di Fatehpur Sikhri. *Jam-i-Masjid*, kubah makam Shaikh Salim Chishti, *Diwan*, *Sonhla Makan*, Istana Puteri Amber, Istana Jodhabai, Istana

---

<sup>56</sup> Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 337. Untuk mengetahui sedikit lebih luas tentang perkembangan kesusasteraan masa Akbar baca J. C. Powell-Price, *A History of India*, hlm. 282-284.

<sup>57</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 585-586.

<sup>58</sup> Ashirbadi Lal Srivastava, *Akbar the Great*, vol. I, Agra: Shiva Lal Agarwala & Company (P) Ltd., 1962, hlm. 525.

sultan-sultan Turki dan *Khawabgha* (tempat-tempat istirahat) adalah beberapa bangunan indah di Fatehpur Sikhri yang lebih menonjolkan gaya seni bina tempatan. Makam Akbar di Sikandra adalah sebuah struktur bangunan yang mementingkan unsur-unsur Asia yang pertama kali dirancang oleh Akbar dan diselesaikan oleh Jahangir. Di Agra, ia membangun bangunan-bangunan megah seperti *Diwan-i-Am* (balai raja), *Diwan-i-Khas*, *Jahangir-i-Mahal* dan juga benteng seperti benteng Lahore dan benteng Agra di bawah pengawasannya sendiri.<sup>59</sup>

Sepertimana di dalam seni bina, seni lukis pada masa Akbar juga merupakan karya-karya lukis yang menggabungkan unsur-unsur India dan unsur di luar India. Seni lukis pada masanya merupakan percampuran dan penggabungan unsur China-Persia-Hindu-Buddha-Jain.<sup>60</sup> Percampuran pelbagai unsur dalam seni lukis pada masa itu sekaligus menggambarkan pemikiran keagamaan Akbar yang *ekletik*.<sup>61</sup> Dia membuat sebuah jabatan untuk menguruskan seni lukisan di bawah pengurusan Khwaja Abdus Samad. Ketertarikan peribadi Akbar terhadap seni lukis mendorongnya untuk mengembangkan semacam sekolah seni lukis yang mungkin boleh disebut dengan sekolah Seni Lukis Nasional.

---

<sup>59</sup> *Ibid.*, hlm. 525-526. Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 340. Lihat juga Powell-Price, *A History of India*, hlm. 278-280.

<sup>60</sup> Untuk mengetahui lebih lanjut tentang pencampuran unsur seni lukis Mughal, lihat antara lain: I. H. Azad Faruqi, "Mughal Painting: A Synthesis of Iranian and Indian Elements" dalam *Jurnal Islam and The Modern Age*, No. 29 (1998), hlm. 237-245.

<sup>61</sup> Kajian yang membahaskan tentang hubungan seni lukis pada masa Akbar dengan pemikiran keagamaannya boleh dirujuk secara lengkap di dalam tulisan Emmy Wellesz, *Akbar's Religious Thought: Reflected in Mogul Painting*, London: George Allen and Unwin Ltd., 1952. Rujuk juga tulisan H. Heras, "Three Mughal Paintings on Akbar's Religious Discussions," *Journal of the Bombay Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. III (1928), hlm. 191-203.

Antara tahun 1569 sehingga 1585 dinding-dinding bangunan ibu kota Akbar yang baru, Fatehpur Sikhri, dipenuhi dengan lukisan hasil karya para pelukis Hindu dan Persia. Para pelukis Persia atau pelukis asing lainnya tidak begitu banyak jumlahnya di istana Akbar. Pelukis paling terkenal di antara mereka adalah Abdus Samad, Farrukh Beg, Khursan Quli, dan Jamshed. Para pelukis India malah mendominasi. Daripada 17 pelukis ternama pada masa Akbar, tidak kurang dari 13 orang adalah para pelukis Hindu. Menurut Abu'l Fazl, sebenarnya lebih daripada 100 pelukis yang berada di istana Akbar yang mempunyai kemampuan luar biasa dan kebanyakan daripada mereka adalah orang-orang Hindu serta amat sukar ditemukan para pelukis masa itu yang setara dengan mereka. Di antara mereka yang paling terkenal adalah Basawan, Lal, Kesu, Mukund, Haribans, dan Daswanth.<sup>62</sup>

Seni muzik juga berkembang pesat pada masa Akbar. Dia sendiri adalah seorang musisi. Menurut Abu'l Fazl, Akbar amat memperhatikan perkembangan seni muzik dan melindungi para musisi. Ketertarikannya kepada seni ini mendorong banyak musisi sama ada daripada orang-orang Hindu, Iran, Turan, dan Kashmir, sama ada laki-laki mahupun perempuan, masuk ke istananya. Musisi yang paling populer di istana Akbar adalah Mian Tansen.<sup>63</sup> Dia sebenarnya adalah

---

<sup>62</sup> Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 597-599. Keterangan lengkap tentang perkembangan seni lukis dan para pelukis pada masa Dinasti Mughal, terutama masa Akbar lihat antara lain: Laurence Binyon, *The Court Painters of The Grand Moguls*, London: Humphrey Milford Oxford University Press, 1921; dan Amina Okada, *Imperial Mughal Painters: Indian Miniatures from The Sixteenth and Seventeenth Centuries*, Paris: Flammarion, 1992. Kurangnya jumlah pelukis Muslim dibandingkan pelukis Hindu salah satu penyebabnya mungkin kerana adanya hadits Nabi yang difahami oleh para ulama ortodoks bahawa melukis sesuatu yang bernyawa adalah haram hukumnya.

<sup>63</sup> Kepopuleran Tansen ini mungkin mengingatkan kita akan Ziryab, seorang musisi terkemuka pada masa Abd al-Rahman II (822-852), penguasa keempat Dinasti Umayyah di Andalusia. Dia mendirikan sekolah muzik di Andalusia dan menciptakan sebuah seni muzik yang tersistematisasikan. Dia tidak hanya seorang musisi, tetapi juga seorang penyair, astronom,



seorang Hindu dari Gwalior kemudian memeluk agama Islam dan mendapatkan pendidikan muziknya di sana. Daripada keterangan Abu'l Fazl, penyanyi seperti Tansen belum pernah ada selama 1000 tahun terakhir. Musisi lain yang terkemuka selain Tansen adalah Ram Das, Bauja Bawra, Sur Das, dan Baz Bahadur. Yang disebut terakhir dikenal dengan seorang yang mempunyai kemampuan dalam ilmu muzik dan lagu-lagu Hindu.<sup>64</sup>

---

sejarahwan, dan pakar geografi. Lihat S. M. Imamuddin, *A Political History of Muslim Spain*, Dhaka: Najmah and Sons Ltd., 1969, hlm. 96.

<sup>64</sup> Lihat Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 348-349 dan Majumdar, et al., *An Advanced*, hlm. 601.